

29/06/2003

Ubah minda segera, elak pi mai tang tulah

SAYA telah menerima jemputan dari Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menulis satu kertas kerja (yang akan dimuatkan dalam sebuah buku tentang orang Melayu) berkenaan Minda Melayu Dan Globalisasi mungkin kerana saya begitu yakin kalau minda dan sikap Melayu tidak bertukar, Melayu akan terpinggir dalam era globalisasi (dan meritokrasi).

Melayu tidak akan alih cara pemikiran, pendekatan dan penghayatan hidup kecuali melalui pendidikan. Melayu mesti terus menekankan pendidikan dwi atau tiga bahasa. Ilmu pengetahuan (dalam bahasa Inggeris dan Melayu yang terbaik) terpenting bagi menganjak dan memartabatkan bangsa, agama dan watan.

Lazimnya taraf seseorang itu akan menentukan kelas dia dalam masyarakat.

Pendidikan kritis sama ada untuk mendapat pekerjaan atau pun untuk diterima oleh arus perdana sosial. Percayalah, mereka yang terus mengabaikan pelajaran atau menjadikan pendidikan sebagai salingan saja akan tertinggal dan bangsa itu lantas terpinggir selama-lamanya.

Majoriti orang Melayu/Bumiputera kini berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, yakni dengan kerajaan. Sebelum Merdeka kebanyakan mereka petani, pekebun kecil, nelayan, buruh, penoreh getah atau orang kampung yang hidup

kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Waktu itu Perkhidmatan Awam dibolot oleh orang Kulit Putih, India, Cina dan Serani. Melayu golongan minoriti di semua peringkat hinggalah selepas Peristiwa Berdarah

13 Mei 1969.

Timbalan Perdana Menteri dan bakal Perdana Menteri (93 hari lagi) serta bekas Pentadbir dalam Perkhidmatan Awam Khamis lalu telah menggesa kakitangan awam tingkatkan lagi kecekapan, standard, moral, keamanan dan persepsi rakyat terhadap mereka dan kerajaan. Berkhidmat untuk negara dan rakyat, bersikap sebagai 'Your Obedient Servants - mereka yang menurut perintah'.

Rakyat mahu benchmark Perkhidmatan Awam kita tinggi setanding dengan negara-negara maju bukan hanya melebihi jiran-jiran yang termundur seperti

suatu masa dulu di mana pegawai kerajaan, diplomat, politikus, pegawai tentera, polis, hakim, para guru dan pendidik, wartawan dan lain-lain - menjadi keenvianan - irihati rakan sejawat asing kerana melihat orang kita

begitu yakin dan efisien menjalankan tugas mereka dalam dan di luar negara. Saya bercakap berdasarkan pengalaman (bukan dari dengar cerita atau baca buku), sepanjang kerjaya saya antara 1957 hingga kemuncak dan

turut melihat kemerosotan berlaku bermula lewat 70-an hingga kini, suatu keadaan yang mesti dan sedang diperbetulkan oleh kerajaan.

Pegawai kerajaan di semua peringkat tidak boleh bertolak ansur dengan prestasi yang rendah. Rakyat dan pembayar cukai termasuk orang asing sentiasa mahu melihat bahkan menuntut mutu kerja yang tertinggi, beramanah, gigih dan pantas, bertertib, bersih (kan dah banyak pendidikan agama dan "berpakaian Islam"), beretika (yakni berakhlak, bermoral) dan berfokus kepada yang ditugas bukan mengidami sogokan dan saguhati pelincir bagi membantu kelancaran.

Slogan mesti dikotakan!

Saya takut seperti Islam yang kini disamakan dengan keganasan, pengeboman berani mati, kemunduran dan kejahilan, Melayu pula nanti disinonimkan dengan tidak cekap, tidak amanah, bukan high achievers, pengotor dan beberapa sifat-sifat negatif yang lain. Orang kita dan Islam bukan semuanya seperti yang digambarkan. Tetapi untuk menafikan semuanya tidak benar tidak betul juga. Kalau kita tidak cekap bagaimana kita sampai ke tahap ini? Bayangkan bangsa dan mereka seagamaku fasa kejayaan kita kalau kita benar-benar efisien, bersih dan amanah? Saya yakin Melayu akan meningkat deras dan laju andainya Lima Prinsip yang diutarakan Abdullah dilaksanakan sepenuhnya. Kalau itu telah berlaku kita kini sama setaraf dengan negara Ireland, Sepanyol, Australia dan sudah tentu Portugal.

Slogan `Bersih, Cekap, Amanah, Selalu Senyum' dan lain-lain tidak mencukupi kalau tidak dipraktikkan dengan jujur dan ikhlas dan mereka yang ingkar "didera" tidak kira bulu. Abdullah mesti teruskan "revolusi mental"

Melayu dengan tekun kerana sekarang dia berkuasa. Dulu dia hanya artikulator kepada "revolusi mental".

Akhbar terbesar di Indonesia, Kompas, memuji Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad kerana kejayaannya meningkatkan taraf ekonomi bangsa Melayu dan negara - "dari satu bangsa kelas dua" menjadi satu komuniti yang boleh bersaing dengan bukan Bumiputera dan juga kerana menaikkan imej

Malaysia di persada dunia antarabangsa. Tanda kejayaan seseorang pemimpin

dan negara ialah keamanan, kemakmuran dan pemimpin saling bertukar ganti dalam keadaan harmoni, penuh permuafakatan, tradisi dan kebudayaan Melayu

yang termulia.

Abdullah telah memulakan "peperangannya" terhadap rasuah dan dia telah menaikkan semangat rakyat. Mereka berharap "peperangan" akan berlaku berterusan sehingga jenayah dan najis ini dapat dikawal ke tahap yang terendah. Rasuah, seperti pelacuran, ketamakan, hasad dengki dan pembunuhan lumrah dari mula sejarah manusia - kemungkaran ini tidak akan terhapus 100 peratus, apa yang boleh dilakukan mengurangnya sehingga tidak mengancam negara dan bangsa kita seperti berlaku di sekeliling kita.

Pegawai, politikus dan kita semua mesti insaf bahawa A mendahului B,

Ba

selepas Alif, kalau ini diamali, perkhidmatan awam, ekonomi negara dan prestij kita akan melambung tinggi. Benar, tiada siapa menafikan pencapaian kita baik, tetapi potensi kita lebih tinggi dan besar lagi. Kita telah pun memberi dalil-dalil itu dan dunia antarabangsa mengiktirafkan. Pulihkan tradisi kecemerlangan itu.

Usah takut pada orang berserban, berjubah

Seperti Dr Mahathir, sepatutnya ramai pemimpin lain, pegawai kerajaan dan orang biasa pun tidak seharusnya berasa rendah diri (dan takut menegur

kesalahan orang di bawahnya apabila mereka berserban) dan orang Umno pula

jangan takut menentang mereka yang memperalatkan agama untuk kepentingan politik, peribadi atau bagi menyorokkan kelemahan diri sendiri. Tidak lama

dahulu mereka ini kumpulan yang terpinggir....

Ramai paderi Katholik dan Kristian (juga berjubah dan berkopiah pelbagai

warna mengikut pangkat) yang telah didapati bersalah dan dihukum kerana melakukan kemungkaran - zina, liwat (mereka amat suka budak) maka mereka digelar paedophiles (American English - pedophiles) dan melakukan dosa-dosa lain. Seperti ditegaskan dalam ucapannya waktu menggulung perbahasan

di Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, Dr Mahathir dengan lantang berkata: "... jangan takut kepada orang yang berserban dan berjubah yang kononnya kuat Islamnya... yang memakai ketayap putih pun ada yang merogol

dan melakukan dosa-dosa lain."

Apa pun di Amerika Syarikat, kini liwat tidak lagi haram. Satu revolusi

terbesar bagi mereka yang menikmati seks yang menyimpang dan di luar tabii. Homoseksual menganggap keputusan Mahkamah Agung Amerika Syarikat sebagai kemenangan terbesar - kerajaan tidak boleh campur tangan apa yang

berlaku di rumah kediaman persendirian dan jika pasangan itu sepakat mahunya.

Seperti kita tahu di Barat orang lelaki boleh kahwin lelaki, wanita dan

perempuan. Saya belum lagi dengar manusia kahwin haiwan! Saya tinggal satu

perlima usia saya di Amerika Syarikat dan Britain, perbuatan luar tabii ini lumrah terutama di kalangan bangsawan, royalty (raja), media dan show

business, politik, perkhidmatan awam, gereja, tetapi bilangan mereka kecil. Majoritinya bersifat biasa. Walaupun begitu angka meningkat di kalangan mereka yang bisexual (dwiseksual). Di banyak negara Barat (juga Singapura) pelacuran berlesen wujud maka mencari makan cara ini halal pada

undang-undang mereka.

Kita mesti menumpukan ajaran agama, adat resam dan kebudayaan kita (yang

menolak dan mengharamkan kemungkaran) ini di kalangan masyarakat kita.

Australia hipokrit

Seseorang hipokrit atau sebuah negara yang munafik tidak harus kritik

orang atau negara lain. Itu bermakna dua standard, bermuka dua.

Australia telah meluluskan undang-undang ISAnyanya tersendiri kononnya kerana ia perlu untuk membanteras terrorisme (baca: Islam dalam istilah Barat). Bekas Dutanya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Richard Butler yang saya kenal (dia suka makan sambal belacan, bukan sedikit, pedas tiada apa padanya) - telah menegaskan dasar Australia dan pakatan Amerika Britain penuh dengan kontradiksi dan dwi standard yakni Australia seperti kualiti gemar mengatakan cerek hitam pada hal dia yang lebih - the pot calling the kettle black.

Sekarang apa pula kata pendewa-pendewa negara-negara Barat Melayu dan bukan Melayu? Mereka ini saya duga, akan merasionalisasi kenapa Australia, Britain dan Amerika Syarikat perlu undang-undang ISAnyanya tersendiri. Cukuplah tu...